

Frequently Asked Questions (FAQs) on the Standardised Base Rate (“SBR”)

1. What is the Standardised Base Rate (SBR)?

The SBR is the reference rate that Bank Muamalat Malaysia Berhad (BMMB) will adopt effective from 1 August 2022 for the pricing of new floating-rate retail financings, refinancing of existing floating-rate retail financings, and the renewal of revolving floating-rate retail financings.

‘Retail financing facilities’ refer to financings extended to individuals (not SMEs or businesses), while ‘floating-rate financings’ refer to financings where the profit rate can change during the tenure of the financing.

The SBR is linked solely to the Overnight Policy Rate (OPR), as determined by the Monetary Policy Committee (MPC) of Bank Negara Malaysia (BNM).

2. Why is the SBR being introduced?

The SBR will be the common reference rate for all banks i.e. based on OPR, unlike the current Base Rate (BR) which varies for each bank. With the BR, changes to the rate are driven by factors that vary across the banks.

The implementation of SBR will help you to make more informed decisions as it offers greater transparency and comparability of floating rate retail financings across all banks.

3. How does an OPR change affect the SBR?

When the OPR is revised, BMMB will adjust the SBR by the same amount as the change in the OPR. This applies to both upward and downward adjustments in the OPR.

4. If the SBR can change, and that affects the profit rate on a financing, how about the spread above the SBR? Will BMMB change the spread during the financing tenure?

BMMB will not increase the spread above the SBR throughout the financing tenure, unless there is a change in your credit risk profile (for example, if you fail to pay your financing payments).

5. Why the spread above the SBR is larger than the spread above the BR?

Am I being charged more given the larger spread above SBR?

- You are not being charged more just because the spread is larger. This can be seen from the “effective profit rate (EPR)”, which is the profit rate charged on the financing. If the EPR is the same, you are not charged more.

Example:

A standard home financing product with financing amount of RM350,000 for 30 years and has no lock-in period.

Reference Rate	Reference Rate as at 1 August 2022	Profit Rate	EPR
BR	3.06%	BR + 1.00%	4.06%
SBR (Effective 1 August 2022)	2.25%	SBR + 1.81%	4.06%

- However, as the SBR is linked solely to the OPR, BMMB will consider the specific business or funding costs in the spread instead.
- After you have entered into a financing contract, BMMB will not increase the spread during the tenure of the financing, except when your credit risk profile changes. In comparison, currently, BMMB may change its BR because of changes in its funding costs, and this is less transparent to you.

6. If I have a BR or BFR based financing, would it be affected by a change in the SBR?

Yes. Both BR and BFR will move exactly in tandem with the SBR. This means that for any changes to the SBR following a change in the OPR, BMMB will adjust the BR and BFR by the same amount of changes in the SBR.

7. How long does it take for BMMB to adjust the SBR, BR and BFR after a change in the OPR?

BMMB will adjust the SBR, BR and BFR by the same amount as the OPR change within 7 working days from the date of the OPR change.

8. Would my financing instalment be affected when there is a change in the SBR, BR and BFR?

- Yes. When the SBR, BR and BFR are lowered, your financing instalment amount will be reduced.
- Similarly, if they are increased, your financing instalment amount will be increased.

9. When my financing instalment amount is revised, will the bank inform me?

Yes, BMMB will inform you on any revisions to financing instalment amount at least 7 calendar days before the new instalment amount is due for payment. BMMB will communicate to you via mail or other electronic means (e.g. SMS, emails and social media).

10. Will the Bank be revising the monthly instalment amount even though the difference is a small amount?

Yes, the instalment amount will be revised regardless of the difference.

11. Can I maintain my existing instalment payment amount?

Yes, you can maintain your existing instalment payment amount if you are facing financial difficulty in paying the new, higher instalment amount but you will need to put in a request to maintain your instalment amount either via our Customer Service Centre at +603-26005500 or by walking-in to the nearest branch.

Please note that maintaining your existing instalment amount will lead to a longer financing tenure. If you wish to maintain the same financing tenure and existing instalment amount, your final financing settlement amount will have to cover the difference.

The financing account may then be classified as 'rescheduled or restructured'.

12. What should I do if monthly instalment amount is made via auto debit/ standing instruction?

- **For auto-debit financing payment from your Current/ Savings account:**
The revised instalment amount will be automatically updated and debited.
- **For Standing Instructions which have been arranged with other banks:**
You will need to update your Standing Instructions based on the revised instalment amount.

13. Is there any difference whether I take a new financing before or after 1 August 2022?

- Financing taken before 1 August 2022 will still be priced against the BR (i.e. BR + spread), while financing applied from 1 August 2022 will be priced against the SBR (i.e. SBR + spread).
- Whether a financing is priced against the BR or the SBR, the profit rate on a financing (or "effective profit rate") will continue to be competitively determined and influenced by multiple factors, including your risk profile and BMMB's business strategy.
- Whichever the case, both BR and SBR will move exactly in tandem with the OPR from 1 August 2022.

14. Where can I view the SBR, BR and BFR?

- BMMB will publish the SBR, BR and BFR at all branches and website. For new customers, BMMB will disclose the SBR and the profit rate on a financing (or “effective profit rate”) in the product disclosure sheet of the financing.
- The historical series of the SBR, BR and BFR will also be available on BMMB’s website.

15. Where can I forward my queries relating the SBR, BR and BFR?

Should you require more information, you may email to feedback@muamalat.com.my or call our Customer Service Centre at +603-26005500 operating 24 hours daily or visit our nearest branch.

Soalan Lazim tentang Kadar Asas Standard (KAS) / “[Standardised Base Rate, (SBR)]”

1. Apakah Kadar Asas Standard (KAS) ?

KAS ialah kadar rujukan yang akan digunakan oleh BMMB mulai 1 Ogos 2022 untuk menentukan kadar keuntungan untuk pembiayaan runcit baharu, pembiayaan semula pembiayaan runcit sedia ada, dan pembaharuan pembiayaan runcit pusingan yang disandarkan kepada kadar terapung..

Pembiayaan runcit merujuk pembiayaan kepada individu (bukan PKS atau perniagaan), manakala ‘pembiayaan berkadar terapung’ merujuk pembiayaan yang kadar keuntungannya boleh berubah sepanjang tempoh pembiayaan tersebut.

KAS dihubungkan hanya kepada Kadar Dasar Semalaman (KDS)/ “[Overnight Policy Rate, (OPR)]” yang ditentukan oleh Jawatankuasa Dasar Monetari /“(Monetary Policy Committee, MPC)” Bank Negara Malaysia.

2. Mengapakah KAS diperkenalkan?

KAS akan diseragamkan merentas semua bank iaitu bersandarkan OPR, tidak seperti Kadar Asas (KA) yang berbeza-beza bagi setiap bank. Dengan KA, perubahan KA boleh didorong oleh faktor-faktor yang berbeza antara bank.

KAS akan membantu anda membuat pertimbangan dan keputusan yang lebih baik berdasarkan maklumat yang mencukupi semasa memilih bank ketika membuat permohonan pembiayaan berkadar terapung yang baharu.

3. Bagaimanakah perubahan OPR mempengaruhi KAS?

Apabila OPR berubah, BMMB akan menyelaraskan KAS mengikut jumlah yang sama seperti perubahan pada OPR. Pelarasan ini terpakai kepada kenaikan dan penurunan OPR.

4. Jika KAS boleh berubah, dan perubahan itu mempengaruhi kadar keuntungan pembiayaan, bagaimanakah pula dengan margin yang melebihi KAS? Adakah BMMB dibenarkan untuk mengubah margin semasa tempoh pembiayaan?

BMMB tidak akan menaikkan margin melebihi KAS semasa tempoh pembiayaan, kecuali terdapat perubahan kepada profil risiko kredit anda (sebagai contoh, jika anda gagal untuk membayar pembiayaan anda).

5. Mengapakah margin yang melebihi KAS adalah lebih besar berbanding dengan margin yang melebihi KA? Adakah saya dikenakan caj yang lebih tinggi memandangkan margin yang melebihi KAS adalah lebih besar?

- Anda tidak akan dikenakan caj yang lebih tinggi semata-mata kerana margin yang lebih besar. Hal ini boleh diperhatikan melalui “kadar pembiayaan efektif (EPR)”, iaitu

kadar keuntungan yang dikenakan ke atas pembiayaan. Jika EPR adalah sama, anda tidak dikenakan caj yang lebih tinggi.

Sebagai contoh:-

Pakej Pembiayaan Perumahan untuk 30 tahun tanpa tempoh terikat ('lock-in period') dan amaun pembiayaan RM350,000:-

Kadar Rujukan	Kadar Rujukan Pada 1 Ogos 2022	Kadar Keuntungan	EPR
KA	3.06%	KA + 1.00%	4.06%
KAS (Bermula 1 Ogos 2022)	2.25%	KAS + 1.81%	4.06%

- Walaubagaimanapun, memandangkan KAS disandarkan hanya kepada OPR, BMMB akan menetapkan margin dengan mengambil kira kos perniagaan atau pendanaan khusus bank.
 - Selepas anda menandatangani kontrak pembiayaan, BMMB tidak akan menaikkan margin sepanjang tempoh pembiayaan, kecuali apabila profil risiko kredit anda berubah. Sebagai perbandingan, pada masa ini, BMMB boleh mengubah Kadar Asas disebabkan oleh perubahan dalam kos pendanaan bank, dan perubahan ini kurang telus untuk anda.
- 6. Jika saya mempunyai pembiayaan berdasarkan KA atau Kadar Pembiayaan Asas (KPA), adakah pembiayaan saya akan dipengaruhi oleh perubahan dalam KAS?**

Ya, KA dan KPA akan bergerak selari dengan KAS. Ini bermakna, bagi sebarang perubahan pada KAS, susulan perubahan pada OPR, BMMB akan menyelaraskan KA dan KPA mengikut jumlah yang sama dengan perubahan KAS.

- 7. Berapa lamakah masa yang diambil oleh BMMB untuk melaraskan KAS, KA dan KPA selepas berlaku perubahan kepada OPR?**

BMMB akan menyelaraskan KAS, KA dan KPA mengikut jumlah yang sama seperti OPR dalam tempoh 7 hari bekerja daripada tarikh perubahan OPR.

- 8. Adakah ansuran pembiayaan saya akan dipengaruhi oleh perubahan kepada KAS, KA dan KPA?**

- Ya. Apabila KAS, KA dan KPA diturunkan, jumlah ansuran pembiayaan anda akan diturunkan.
- Begitu juga, jika kadar-kadar tersebut dinaikkan, jumlah ansuran pembiayaan anda akan dinaikkan.

9. Adakah saya akan diberitahu oleh bank apabila jumlah ansuran pembiayaan saya diubah?

Ya, BMMB akan memaklumkan kepada anda tentang sebarang perubahan terhadap jumlah ansuran pembiayaan anda sekurang-kurangnya 7 hari kalendar sebelum jumlah ansuran baharu perlu dibayar. BMMB akan menyampaikan makluman ini kepada anda melalui surat atau kaedah elektronik (cth. SMS, e-mel).

10. Adakah Bank akan menyemak semula jumlah ansuran bulanan walaupun perbezaannya kecil?

Ya, jumlah ansuran akan disemak semula tanpa mengira perbezaan kecil atau besar.

11. Bolehkah saya mengekalkan jumlah bayaran ansuran sedia ada saya?

Ya, anda boleh mengekalkan jumlah bayaran ansuran sedia ada sekiranya anda menghadapi masalah kewangan untuk membayar jumlah ansuran pinjaman baharu yang lebih tinggi tetapi anda perlu membuat permintaan untuk mengekalkan jumlah ansuran sedia ada sama ada melalui Pusat Perkhidmatan Pelanggan kami di talian +603-2600 5500 atau dengan mengunjungi cawangan terdekat.

Sila ambil perhatian bahawa mengekalkan jumlah ansuran sedia ada anda akan membawa kepada tempoh pembiayaan yang lebih lama. Jika anda ingin mengekalkan tempoh pembiayaan dan jumlah ansuran sedia ada, amaun pembayaran akhir anda perlu menampung perbezaan tersebut.

Akaun pembiayaan tersebut mungkin dikategorikan sebagai 'dijadualkan semula atau distrukturkan semula'.

12. Apakah yang perlu saya lakukan jika jumlah ansuran bulanan dibuat melalui auto debit/ arahan tetap?

- **Untuk pembayaran pembiayaan auto-debit daripada akaun Semasa/Simpanan anda:**
Amaun ansuran yang telah disemak akan dikemas kini dan didebitkan secara automatik.
- **Untuk Arahan Tetap yang telah diaturkan dengan bank-bank lain:**
Anda perlu mengemaskini Arahan Tetap anda berdasarkan amaun ansuran yang telah disemak.

13. Adakah terdapat apa-apa perbezaan jika saya mengambil pembiayaan baharu sebelum atau selepas 1 Ogos 2022?

- Kadar keuntungan untuk pembiayaan yang diambil sebelum 1 Ogos 2022 masih akan berdasarkan KA (iaitu KA + margin), manakala kadar keuntungan untuk pembiayaan yang diambil mulai 1 Ogos 2022 akan berdasarkan KAS (iaitu KAS + margin).
- Sama ada pembiayaan tersebut berdasarkan KA atau KAS, kadar keuntungan ke atas pembiayaan (atau 'kadar pembiayaan efektif') akan terus ditentukan secara kompetitif dan dipengaruhi oleh pelbagai faktor, termasuk profil risiko anda dan strategi perniagaan BMMB.
- Tidak mengira mana-mana kes, KA dan KAS akan bergerak betul-betul selari dengan OPR bermula 1 Ogos 2022.

14. Di manakah saya boleh melihat paparan KAS, KA dan KPA?

- BMMB akan memaparkan KAS, KA dan KPA di semua cawangan dan dalam laman sesawang. Bagi pelanggan baharu, BMMB akan menzahirkan KAS dan kadar keuntungan atas pembiayaan (atau 'kadar pembiayaan efektif') dalam lembaran penzahiran produk pembiayaan tersebut.
- Data KAS, KA dan KPA yang terdahulu juga boleh didapati melalui laman sesawang BMMB.

15. Di manakah saya boleh mengajukan pertanyaan mengenai KAS, KA dan KPA?

Sekiranya anda memerlukan sebarang maklumat tambahan, sila emel ke feedback@muamalat.com.my atau hubungi Pusat Perkhidmatan Pelanggan kami di talian +603-2600 5500 yang beroperasi 24 jam sehari atau dengan mengunjungi cawangan terdekat kami.